



FEBRUARI 2018

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

"Janganlah kamu ber-jalan di muka bumi ini dengan sombong, karena sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung."

(Ayat Al Israa' 37)



Khamis, 1 Februari 2018 - Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin Menteri KKBS yang baru mengambil kesempatan untuk memberikan ucapan kepada pegawai dan kakitangan semasa majlis bertahlil dan membaca surah Yassin. YB Dato menteri juga mengadakan perjumpaan dengan mantan menteri KKBS YB Pehin sambil bertukar-tukar pandangan.



Jumaat, 2 Februari 2018 - Minggu Bahasa dan Budaya Jepun (MBBJ) 2018 anjuran Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Yayasan Jepun telah berlangsung di Atrium, Pusat Membeli-Belah Times Square. Hadir merasmikan acara ini YB Dato Menteri KKBS dan Tuan Yang Terutama Motohiko Kato, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD. Majlis ini bukan saja untuk mempromosikan bahasa Jepun malah menekankan dan menyediakan peluang bagi para pelajar untuk belajar di Jepun melalui petak-petak pameran perkongsian maklumat, antaranya Biasiswa Kerajaan Jepun, iaitu BA-JA, pengenalan bahasa daripada IBTE-CET dan persembahan daripada Alumni SSEAYP dan JENESYS.



Sabtu, 3 Februari 2018 - Sekitar lawatan YB Dato Menteri KKBS ke bahagian-bahagian dan cawangan cawangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya di daerah Temburong.





Isnin, 5 Februari 2018 - DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) berkenan berangkat ke Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara NFABD dan Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden NFABD di Rumah NFABD dijunjung oleh YB Dato Menteri Pendidikan; YB Dato Menteri KKBS dan Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Mohd. Yusuf. seramai 14 pelajar akan terlibat ke program pembangunan bola sepak yang disusun oleh NFABD sebagai permulaan dan pencarian secara usaha sama pelajar-pelajar yang berpotensi. Pihak NFABD juga akan mengongsikan khidmat teknikal, kepakaran, pembangunan profesional dan sumber-sumber yang ada selain menyediakan jadual latihan dan pertandingan-pertandingan untuk disertai. Majlis Penandatanganan MoU di antara NFABD dan Sekolah Sukan, Kementerian Pendidikan disaksikan oleh DYTMM. Menandatangani bagi pihak NFABD ia diwakili oleh Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli, manakala pihak Sekolah Sukan ditandatangani oleh Pengetua sekolah tersebut, Matthew Eric Lethem. Dengan termeterainya MoU berkenaan diharap kerjasama dan Dengan termeterainya MoU berkenaan diharap kerjasama dan usahasama akan menghasilkan lebih ramai pemain-pemain bola sepak yang dilatih dengan teratur, berbakat dari awal lagi serta berpengetahuan dan berpotensi menjadi pemain kebangsaan yang berkualiti pada masa akan datang



Selasa, 6 Februari 2018 - YB Dato Menteri KKBS menerima kunjungan dari Mr. Sebastian dan Mr. Shawn dari pihak fitness zone. Selepas itu diikuti oleh kunjungan Yang Mulia Dato Paduka Hamdillah Kedua-dua perjumpaan berlangsung di pejabat YB Dato Menteri.



Sabtu, 10 Februari 2018 - pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengekalkan kejuaraannya buat kali ketiga berturut-turut dalam Liga Super DST 2017. Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyempurnakan pengalungan pingat serta penyampaian cenderahati YB Dato Menteri KKBS. Dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pasukan MS ABDB bermententang pasukan Kelab Sukan Indera yang berkesudahan seri tanpa jaringan. Walaupun berkedudukan seri Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjadi juara setelah mengutip mata tertinggi dan berada di kedudukan tangga teratas liga.



Isnin, 12 Februari 2018 - YB Dato Menteri KKBS meluangkan masa bersama PKBN menunaikan Solat Fardhu Subuh berjemaah bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop. Solat turut disertai oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah yang juga pegawai-pegawai kanan KKBS dan telah diimamkan oleh Imam Masjid Mohamed Bolkiah, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak. YB Dato Menteri beserta rombongan kemudiannya beredar ke Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bagi menyaksikan Upacara Menaikkan Bendera PKBN. Diikuti dengan menyaksikan Sesi Latihan Jasmani daripada para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-7.

Selasa, 13 Februari 2018 - KKBS, melalui JAPEM dengan kerjasama DBP telah menubuhkan sebuah lagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di negara ini yang diserapkan dan dinamakan sebagai Pusat Masyarakat Bestari (PMB) Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait. Pusat ini ditempatkan di bawah satu bumbung dengan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kampung Pandan yang berobjektifkan sebagai 'One Stop Centre' untuk aktiviti-aktiviti ke arah menjadikan sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan aktif dalam kegiatan berkebakjikan. Hadir Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan penubuhan PMB Kampung Pandan YB Dato Menteri KKBS. Majlis juga diteruskan dengan majlis menandatangani plak, berlangsung di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait. Majlis Perasmian juga diserikan dengan demonstrasi pembuatan kuih-muih melayu dari Biro Wanita Kampung Pandan, persembahan syair oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Duraman dari Kampung Pandan serta persembahan tausyeh dan dikir dari Biro Wanita Kampung Pandan. Turut hadir pada majlis berkenaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara daerah Belait; SUT KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Belait, wakil Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat; Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait, pegawai-pegawai kanan kerajaan, persatuan-persatuan dan agensi-agensi bukan kerajaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Bahagian Warga Emas, Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait juga para warga emas di Mukim KB.



Rabu, 14 Februari 2018 - YB Dato Menteri menerima kunjungan dari TYT Sheikh Ahmad bin Hashil bin Rashid Al-Maskari. Perjumpaan berlangsung di pejabat YB Dato.



Rabu, 14 Februari 2018 - Bagi memberigakan informasi mengenai persiapan dan pelaksanaan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke 34, tahun 2018, satu sidang media mengenainya telah diadakan di Dewan Citra Budaya, bangunan KKBS. Hadir mempengerusikan sidang media ini YM SUT KKBS selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34. YM Datin Pengerusi menyatakan bahawa acara kemuncak sambutan Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 akan diadakan pada hari Sabtu, 24 Februari 2018 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula jam 7.30 pagi. Sebanyak 138 buah pasukan yang melibatkan 23,000 peserta telah mendaftar untuk menyertai acara perbarisan lalu yang mana telah dibahagikan kepada 14 kluster, iaitu Keselamatan Negara, Masyarakat Bestari, Perkhidmatan Awam, Sosio-Ekonomi, Pendidikan Pasca Menengah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Swasta, Takmir Masjid, Persatuan Profesional, Pergerakan Belia, Pergerakan Wanita, Persatuan Umum, Masyarakat Umum dan Pasukan Cemerlang. Turut disentuh mengenai huraian tema dan logo, upacara menaikkan dan menurunkan bendera besar negara, aturcara, acara Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera di seluruh daerah dan acara-acara sampingan.

Khamis, 15 Februari 2018 - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Arab / Ugama berlangsung secara serentak di tiga daerah. Di daerah Tutong, majlis berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Kampung Bukit Beruang. Berangkat menyempurnakan Majlis Utama Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar. Keberangkatan Yang Amat Mulia dijunjung oleh SUT KKBS selaku Pengerusi bersama Jawatankuasa Kerja Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar dan Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera. YAM bersabda, bendera negara dapat menarik semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa agama, mahupun latar belakang, untuk turut bersama memeriahkan suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 sekali gus bangkit secara aktif menjayakan Wawasan Negara. YAM menyeru kepada para belia terutama penuntut-penuntut untuk belajar dengan gih, berusaha sedaya upaya kerana mereka ini lah bakal peneraju negara pada tahun 2035 nanti serta mereka inilah tenaga yang diperlukan bagi meneruskan pembangunan negara. Turut hadir Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pengetua SMSO; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan KKBS, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan serta pengetua-pengetua sekolah. Pada tahun ini, sebanyak 5,000 bendera kecil / meja telah diagih-agihkan di seluruh negara sebagai usaha menyemai kecintaan dan rasa patriotisme dalam jati diri belia dari akar umbi, selain untuk memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.





Jumaat, 16 Februari 2018 - Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara Ke 34, tahun 2018 telah berlangsung di kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh. Majlis seterusnya menyaksikan Anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei berarak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar daripada tetamu kehormat majlis. Penyempurnaan upacara menaikkan bendera besar negara diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' oleh seramai 78 pelajar dari kumpulan koir Sekolah Menengah Berakas dengan iringan Pancaramgam Pasukan Polis Diraja Brunei yang juga diteruskan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik. YB Dato Menteri seterusnya menyampaikan bendera-bendera dan poster-poster sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-34, 2018 kepada pegawai-pegawai daerah dari seluruh negara. Turut hadir, Ahli-Ahli Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, wakil-wakil jabatan kerajaan dan swasta serta para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Isnin, 19 Februari 2018 - KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka berkenan untuk berangkat bercemer duli menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan yang akan diadakan pada Ahad, 25 Februari yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. Perkara tersebut disampaikan oleh YM Datin Sut KKBS semasa mempengerusikan Sesi Sidang Media Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan sempena mengambil sukut baik Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018. Acara riadah itu diadakan sewaktu Program Bandarku Ceria yang lazimnya dimulakan dengan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat. Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 akan mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 12 kilometer dan akan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Jalan Pretty; Jalan Elizabeth 2; Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddin; Jalan Kianggeh; Jalan Sekolah; Jalan Kumbang Pasang; Jalan Gadong; Jalan Perdana Menteri; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. Selepas Riadah Berbasikal, beberapa acara yang menarik juga akan diadakan termasuk persembahan padang oleh Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Manakala Persatuan Silat dan para warga emas masing-masing akan mengadakan Klinik Silat dan acara Tai Chi beramai-ramai. Selain itu, Pasukan Brunei DPMM FC akan turut serta memperkenalkan pemain-pemain baharu mereka pada acara tersebut.





Rabu, 21 Februari 2018 - KKBS melalui JAPEM telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mereka yang terjejas akibat di Mukim Lumapas, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok bertujuan untuk meringankan beban mangsa yang terlibat. Majlis berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir menyempurnakan penyampaian bantuan kewangan kerajaan berkenaan YB Dato Menteri KKBS. Seramai 121 orang telah menerima bantuan tersebut. Turut hadir dalam majlis ini pegawai-pegawai kanan KKBS, penghulu dan ketua kampung.



Khamis, 22 Februari 2018 - YM Datin Sut KKBS menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak ADT bersama penaja-penaja utama dan penaja-penaja Event Program Magazine yang berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong. Seramai tujuh pemain golf tempatan akan membawa nama negara di dalam Kejohanan Golf Brunei yang merupakan sebahagian daripada ASIAN Development Tour (ADT) yang dikenali dengan Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships.

Ahad, 25 Februari 2018 - Upacara Penurunan Bendera Besar NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun telah berlangsung di Kawasan Lapang KYSHB. Tetamu kehormat YM Timbalan Menteri Kewangan, YM Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman. Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'. Majlis diteruskan dengan Pasukan Pengibaran Bendera Besar NBD yang terdiri daripada anggota TLDB bergerak masuk dengan diiringi oleh Pasukan Pancaragam PDB. Majlis diteruskan dengan Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang kemudiannya diserahkan oleh Ketua Perbarisan Anggota TLDB kepada tetamu kehormat.



Ahad, 25 Februari 2018 - KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bercemar duli menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan yang berlangsung taman di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Riadah berbasikal ini turut disertai oleh penggemar dan peminat sukan berbasikal dari segenap lapisan masyarakat yang tidak mahu melepaskan peluang untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan lagi acara riadah tersebut dalam suasana ceria dan meriah. YM Datin Sut KKBS menjelaskan mengenai objektif riadah, iaitu untuk menarik masyarakat dari pelbagai umur dan latar belakang khususnya mereka yang suka bersukan dan aktiviti yang sihat seperti berbasikal. Tambahnya lagi pelbagai acara disusun seperti aktiviti bola bagi kanak-kanak, Tai Chi untuk warga emas, Klinik Bola dan Klinik Sihat di samping jualan makanan dan minuman dan sebagainya.



Isnin, 26 Februari 2018 - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menerima kunjungan daripada rombongan Program JENESYS 2017 bagi Program Pertukaran Badminton Belia bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taufik, KKBS. Rombongan seramai 16 pelajar dari Universiti Nippon Sport Science itu diketuai oleh Otsuka Tadashi. Program pertukaran ini bertujuan untuk mewujudkan persahabatan dan kerjasama pada masa hadapan, di samping menggalakkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, pelbagai budaya, politik dan hubungan diplomatic. Rombongan berkenaan berada di negara ini selama sembilan hari bermula 23 Februari lalu dan akan mengadakan perlawanan persahabatan badminton bersama UTB dan IBTE.



Selasa, 27 Februari 2018 - Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 telah disempurnakan perasmianya oleh tetamu kehormat YB Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pesta selama 10 hari itu diselenggarakan dengan penyampaian dan pelancaran sebanyak 38 buah buku terbaharu yang terdiri daripada lima buah buku ilmiah, tiga buah buku umum, 12 buah buku kategori sastera dewasa dan 18 buah buku sastera kanak-kanak. Antara penerima buku terbaharu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Turut dilancarkan, sebuah buku rakyat bertajuk 'Pulau Labi-Labi' yang diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa iaitu Dusun, Inggeris, Filipina, Korea, Jepun, Arab, Mandarin, Perancis dan Jerman yang mana ia adalah merupakan hasil komitmen kerjasama penterjemahan dan penerbitan antara DBP dan Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD). Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 adalah merupakan projek tahunan DBP bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.



Rabu, 28 Februari 2018 - Majlis Pemeriksaan Pantun Nusantara ke-3, 2018 telah dimeriahkan dengan persembahan sketsa pantun Kumpulan Putra seni. Majlis yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka di Lapangan Terbang Lama, Berakas ini telah dirasmikan oleh YM Datin Sut KKBS. Menurut tetamu kehormat pantun merupakan genre kesusasteraan Melayu tradisional yang berkembang di seluruh dunia khususnya di Nusantara sejak ratusan tahun lalu dan pantun juga adalah simbol artistik masyarakat Melayu Nusantara lambang kebijaksanaan berfikir. Melalui program seperti ini akan dapat membantu menghidupkan kembali beberapa warisan kesusasteraan tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat khususnya pantun. Ym Datin seterusnya menyeru untuk sama-sama menanamkan semangat menghargai seterusnya mencintai budaya warisan yang menjadi identiti kita selama ini.



Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim *Penyunting & Penyemak*, Jeffree Haji Kassim *Perwajahan dan Aturhuruf* Jeffree Hj Md Kassim *Jurufoto* Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.